

BAB EMPAT

**AMALAN PERKAHWINAN KERANA DIJODOHKAN DALAM
KALANGAN MASYARAKAT SUKU BUGIS DI PULAU KIJANG
KECAMATAN RETEH KABUPATEN INDRAGIRI HILIR, RIAU,
INDONESIA**

4.0 Pendahuluan

Bab ini akan menjelaskan mengenai profil lokasi kajian dan faktor-faktor yang mendorong pengkaji memilih lokasi ini. Seterusnya laporan kajian dan satu analisis serta penghuraian data mengenai praktik amalan perkahwinan kerana dijodohkan di kalangan masyarakat suku Bugis di Pulau Kijang Kecamatan Reteh, Kabupaten Indragiri Hilir, Riau, Indonesia.

4.1 Profil Lokasi Kajian

4.1.1 Sejarah Ringkas Pulau Kijang Kecamatan Reteh

Pulau Kijang mempunyai potensi besar dari keadaan tanah, hasil bumi mahupun pekerja dan sangat menguntungkan dalam pelaksanaan pembangunan. Sekitar abad ke-17 telah datang rombongan orang-orang Riau yang disebut orang pesisir Timur dipimpin oleh Tengku Muhammad Shaleh Bin Tengku Sulung. Mereka itulah yang membangun perkampungan pertama di daerah Reteh dan sekitarnya, sehingga terbentuklah sebuah kerajaan. Tengku Muhammad Shaleh yang kemudian digelar Tengku Panglima Besar membangun benteng pertahanan di beberapa tempat, termasuk kawasan Desa Benteng dan sekarang menjadi Kecamatan Sungai Batang.

Pada tahun 1850, berlaku perperangan antara kerajaan Tengku Panglima Besar melawan Belanda dan dalam perperangan itu, Tengku Panglima Besar telah gugur. Sejak saat itu berakhirlah kerajaan Tengku Panglima Besar di Reteh. Selanjutnya daerah Reteh berada di bawah kesultanan Riau yang pimpinannya di pegang oleh Tuk Muda Ismail yang datang dari Pulau Penyengat.

Pada tahun 1876, berakhir pula Kesultanan Riau di Reteh kerana Belanda mendirikan pemerintahan yang dipimpin oleh seorang Amir. Pada pemerintahan Amir yang pertama inilah dibentuk pelbagai perkampungan di daerah Reteh termasuk kampung Pulau Kijang dengan status kepenghuluan kenegerian, maka sejak saat itu rasmilah nama kenegerian Pulau Kijang yang dipimpin oleh Tuk Nawas sebagai ketua negeri yang pertama. Selanjutnya, secara berturut-turut yang menjadi wali negeri atau penghulu di Pulau Kijang adalah sebagai berikut: Tuk Undik, Tuk Saman, Tuk Meregan, Tuk Manan, Tuk Kalidik, Tuk Naini, Abdul Pangkar, Encek Muhammad dan Ahmad Abdullah.

Ketua Negeri terakhir Ahmad Abdullah yang diangkat sebagai Penghulu sejak tahun 1966 s/d 1976 melalui pilihan raya secara langsung, berlanjut hingga tahun 1981 tepatnya pada tanggal 9 Jun 1981 kenegerian Riau Pulau Kijang dinyatakan menjadi Kelurahan Pulau Kijang dan kepala negeri Pulau Kijang diangkat sebagai Pegawai Negeri Sipil dengan pangkat atau golongan Pengatur Muda (IIa) sebagai ketua Kelurahan yang pertama¹.

¹ Dokni A.Ahna, (Pegawai Pejabat Kelurahan), Temu bual, Pulau Kijang, 1 Julai 2011.

4.1.2 Keadaan Geografi dan Demografi

4.1.2.1 Keadaan Geografi

Pulau Kijang merupakan ibu kota Kecamatan Reteh, yang mana Kecamatan Reteh terdiri dari lapan kelurahan dan satu Kecamatan. Kemudian secara administrasi Kelurahan Pulau Kijang termasuk ke dalam wilayah Kecamatan Reteh Kabupaten Indragiri Hilir, Riau, Indonesia.

Adapun batas wilayah Pulau Kijang adalah sebagai berikut :

- Sebelah Timur bersempadan dengan Pekan Sungai Undan.
- Sebelah Utara bersempadan dengan Pekan Seberang Pulau Kijang.
- Sebelah Selatan bersempadan dengan Daerah Tanjung Jabung Negeri Jambi.
- Sebelah Barat bersempadan dengan Pekan Pulau Kecil.

Secara geografi, Pulau Kijang berada dibelahan bumi bahagian Selatan dengan posisi 102^0 - 104^0 BT dan posisi Lintang 0^0 - 20^0 LS. Dengan ketinggian tiga meter dari permukaan air laut dengan curahan hujan rata-rata pertahun 200 mm, serta beriklim tropis yang dipengaruhi oleh angin laut sehingga curah hujan cukup tinggi².

Keadaan tanah di Pulau Kijang seluruhnya terdiri dari dataran rendah yang landai, subur dan sangat sesuai untuk sejenis tanaman kelapa dan palawija (seperti kacang, ubi, jagung). Tanah sejenis ini terletak lebih kurang 2.000 meter dari tepi sungai.

²Departemen Dalam Negeri Republik Indonesia, *Profil Desa/Kelurahan Pulau Kijang*, 2011.

Untuk kemudahan pengangkutan awam yang dipergunakan adalah sungai. Sungai Gangsal merupakan satu-satunya aliran sungai terbesar dan merupakan urat nadi perhubungan kampung-kampung ke Kecamatan Reteh dan seterusnya.

Untuk kemudahan pengangkutan jalan darat saat ini baru sebahagian kecil yang dapat dilalui kenderaan, yang kebanyakannya terdiri dari rawa-rawa dan tanah gambut. Maka sungai-sungai yang terdapat di kawasan ini merupakan kawasan lautan dan rawa-rawa menyebabkan tempat ini beriklim panas yang dipengaruhi oleh dua musim, iaitu musim hujan dan musim kemarau.

Musim hujan terjadi sekitar bulan September hingga Mac, sedangkan musim kemarau terjadi sekitar bulan April hingga Ogos dengan temperatur sederhana.

Kedua musim tersebut sangat mempengaruhi kehidupan masyarakat, sebab dalam musim kemarau kegiatan pertanian begitu pesat, sehingga masyarakat dapat mengerjakan pertaniannya dengan baik. Sedangkan di musim hujan juga turut penting, kerana selain untuk menyuburkan, ia juga merupakan sumber air minum bagi masyarakat.

4.1.2.2 Keadaan Demografi


Penduduk di Kelurahan Pulau Kijang sebahagian besar adalah pendatang dari pelbagai daerah di Nusantara ini, seperti masyarakat suku Bugis dari Sulawesi Selatan, suku Minang dari Sumatera Barat, suku Jawa dari Pulau Jawa, suku Banjar dari Kalimantan, Suku Batak dari Sumatera Utara. Selain itu juga, terdapat etnik Cina. Sedangkan suku Melayu adalah penduduk asli di Pulau Kijang.

Apabila dilihat data tentang perkembangan penduduk Pulau Kijang dari tahun ke tahun, menunjukkan satu demografi yang meningkat, hal ini dapat dilihat dari hasil banci penduduk diakhir tahun 2006 yang menunjukkan bahawa penduduk Kelurahan Pulau Kijang berjumlah 16.918 jiwa dengan jumlah Kepala Keluarga (KK) 3.534.

Dan untuk lebih jelas mengenai jumlah penduduk berdasarkan etnik (suku) yang tersebar di Kelurahan Pulau Kijang dapat dilihat pada jadual berikut:


4.1.3 Saiz dan Komposisi Penduduk

Jadual 4.1.3.1: Pecahan Penduduk Pulau Kijang Mengikut Kaum Berdasarkan Peratusan.³



³Ibid

Jadual 4.1.3.2: Pecahan Penduduk Pulau Kijang Mengikut Kaum Berdasarkan Frekuensi.⁴



Daripada jadual di atas, dapat dilihat bahawa penduduk Kelurahan Pulau Kijang yang terdiri dari pelbagai suku bangsa menunjukkan bahawa suku Bugis yang majoriti mendiami daerah ini sekitar 37.37%, suku Banjar sebanyak 16.06%, suku Jawa sebanyak 15.83%, suku Melayu sebanyak 15.04%, suku Minang sebanyak 14.42%, etnik Cina sebanyak 0.96% dan suku Batak sebanyak 00.33%.


Pada mulanya suku Melayu adalah suku yang majoriti mendiami Pulau Kijang, kerana Suku Melayu merupakan penduduk asli di Pulau Kijang. Seiring berjalannya waktu suku Bugis menjadi penduduk yang paling banyak di daerah ini. Hal ini disebabkan kerana pada zaman penjajahan dahulu di daerah Sulawesi Selatan (daerah asal suku Bugis) sering terjadi perang sama ada dengan bangsa Belanda dan juga antara sesama suku sendiri. Sehingga di daerah Sulawesi Selatan ketika itu keadaannya sudah tidak aman lagi dan pembunuhan pun terjadi di mana-mana. Untuk menyelamatkan diri, maka banyak di antara mereka pergi merantau dan meninggalkan tanah kelahirannya dan salah satunya di Pulau Kijang. Di tempat ini mereka merasa lebih aman dan sejahtera. Sehingga semakin lama semakin

⁴Ibid.

banyak masyarakat Bugis yang merantau ke Pulau Kijang, dan mereka menjadi penduduk yang majoriti di sana. Walaupun Suku Bugis adalah majoriti di Pulau Kijang tetapi hubungan mereka dengan penduduk asli dan penduduk pendatang boleh terjalin dengan baik.

Selain penduduk Pulau Kijang dapat dilihat berdasarkan suku bangsanya, juga dapat dilihat klasifikasi penduduk di Pulau Kijang berdasarkan jantina, maka jumlah penduduk perempuan lebih banyak jika dibandingkan dengan lelaki. Hal ini dapat dilihat dari jadual berikut:

Jadual 4.1.3.3: Pecahan Penduduk Pulau Kijang Mengikut Jantina Berdasarkan Frekuensi dan Peratusan.⁵




Daripada jadual diatas, jumlah penduduk perempuan sebanyak 51.88 %, sedangkan jumlah penduduk lelaki sebanyak 48.12 %.

⁵Ibid.

Penduduk Pulau Kijang juga dapat dibezakan berdasarkan peringkat umur. Mulai dari bayi, kanak-kanak, remaja hingga dewasa. Adapun klasifikasi penduduk menurut tingkat umur dari usia 0 hingga 56 tahun ke atas dapat dilihat pada jadual berikut:

Jadual 4.1.3.4 : Pecahan Penduduk Pulau Kijang Mengikut Tingkat Umur⁶



Merujuk jadual di atas, dapat dilihat bahawa penduduk Kelurahan Pulau

Kijang berdasarkan umur adalah 0-12 bulan seramai 908 orang, >1 - <5 tahun seramai 1.084 orang, ≥5 - <7 tahun seramai 1.112 orang, ≥7 - ≤ 15 tahun seramai 1.261 orang, ≥15 - 56 tahun seramai 10.949 orang, >56 tahun seramai 1.604 orang.

⁶Ibid.


4.1.4 Agama dan Pendidikan

4.1.4.1 Agama

Mengenai agama yang dianuti oleh penduduk di Pulau Kijang dapat dijelaskan bahawa pada umumnya menganut agama Islam. Menurut data yang diperoleh dari Pejabat Pulau Kijang, penduduk Pulau Kijang menganut agama Islam, Kristian Protestan, Kristian Katolik, dan Buddha.

Adapun agama yang majoriti dianuti ialah agama Islam dan sebahagian kecil sahaja yang menganut agama lain. Untuk lebih jelasnya komposisi penduduk Kelurahan Pulau Kijang berdasarkan agama dan penganutnya dapat dilihat pada jadual di bawah:

Jadual 4.1.4.1: Pecahan Penduduk Pulau Kijang Mengikut Agama dan Penganutnya.⁷




⁷Ibid.

Daripada jadual di atas, dapat dilihat bahawa 99.59 % penduduk Pulau Kijang menganut agama Islam. Maka dalam rangka menunjang peribadatan sesuai dengan agama yang dianuti, terdapat pula kemudahan ibadah di kawasan tersebut. Jumlah rumah ibadah di Pulau Kijang sebanyak 12 masjid dan 34 surau.

Adapun kemudahan ibadah di Kecamatan Reteh dapat dilihat pada jadual berikut:

Jadual 4.1.4.2:Kemudahan Ibadah di Pulau Kijang.⁸



Kita melihat tingginya peratusan yang menganut agama Islam, kemudian diikuti oleh kemudahan peribadatan yang ada, tentu ini sangat menunjang dalam rangkaian peribadatan yang dilakukan oleh masyarakat.

⁸Ibid.

Masyarakat di kawasan ini pada umumnya menganut ajaran mazhab Syafii. Adapun mereka menganut ajaran mazhab Syafii kerana sebahagian besar ulama di daerah ini bermazhab Syafii⁹. Masyarakat sangat taat mengikuti pendapat ulama sekalipun alasan dari pendapat ulama tersebut tidak diketahui sama sekali. Dengan erti kata masyarakat memiliki ketiaatan yang masih bersifat keturunan, maka pelaksanaan ajaran agama itu masih tetap dilaksanakan sebagaimana adanya.

4.1.4.3 Pendidikan

Pendidikan merupakan salahsatu hal paling penting yang harus dimiliki oleh masyarakat. Sehubungan dengan masalah pendidikan di Pulau Kijang, selari dengan pasal 31 UUD 1945 yang menyatakan bahawa “Tiap-tiap warga Negara berhak mendapat pengajaran”¹⁰. Jadi, ini merupakan kewajipan pemerintah dan sesuai dengan bunyi pembukaan UUD 1945 yang menyatakan bahawa negara ini didirikan untuk mewujudkan kesejahteraan umum dan ikut mencerdaskan kehidupan bangsa¹¹. Maka dalam pelaksanaannya, pemerintah telah membentuk suatu sistem pendidikan dan pengajaran nasional yang dikenali dengan istilah pendidikan formal dan non formal.

Pendidikan formal yang terdapat di Pulau Kijang terdiri daripada kemudahan pendidikan agama dan pendidikan umum. Adapun kemudahan pendidikan umum terdiri dari Taman Kanak-kanan (TK), Sekolah Rendah, Sekolah Menengah Pertama (SMP), dan Sekolah Menengah Atas (SMA). Sedangkan untuk kemudahan pendidikan Agama terdiri dari TK Islam, Madrasah Ibtidaiyah, Madrasah

⁹ Ustadz Hj. Andi Kinias (Tokoh Agama dan Tokoh Masyarakat Bugis), Temu bual, Pulau Kijang, 3 Julai 2009, Jam 8.30 malam.


¹⁰ Undang-undang Dasar 1945 (UUD 1945), 7.

¹¹ Ibid., 1.

Tsanawiyah, Madrasah Aliyah dan TPA. Selain kemudahan pendidikan formal dan informal, di Kelurahan Pulau Kijang juga terdapat perpustakaan yang telah berdiri sejak tahun 2005 dan perpustakaan tersebut terbuka untuk umum, tidak hanya untuk para pelajar.

Pendidikan dan pengajaran non formal khususnya mengenai pendidikan dan pengajaran agama di pusatkan di masjid dan surau serta rumah pengajian. Sedangkan dalam bidang pendidikan dan pengajaran yang bersifat umum adalah kursus menaip, kursus komputer, kursus menjahit, Pusat Kegiatan Belajar Masyarakat (PKBM) dan lain-lain.Untuk lebih jelas tentang tempat pendidikan dapat dilihat pada jadual berikut:

Jadual 4.1.4.3.1: Sarana Pendidikan di Pulau Kijang¹²




¹²Ibid.

Daripada jadual di atas, dapat dilihat bahawa jumlah kemudahan pendidikan seluruhnya adalah 68 unit. Untuk pendidikan formal seperti SMA/Aliyah dan yang sedarjat sebanyak 8 unit, SMP/Tsanawiyah dan sedarjat sebanyak 8 unit, Sekolah Rendah/Ibtidaiyah dan sedarjat sebanyak 22 Unit, TK sebanyak 4 Unit dan TPA sebanyak 4 Unit. Sedangkan untuk sarana pendidikan non formal seperti lembaga pendidikan nonformal (Agama) sebanyak 16 unit, lembaga pendidikan non formal (umum) 5 unit. Disamping itu juga, terdapat 1 unit perpustakaan.

Dengan adanya kemudahan pendidikan baik yang bersifat formal maupun non formal, tentu ini akan sangat membantu dalam meningkatkan kecerdasan masyarakat yang ada di Kelurahan Pulau Kijang. Akan tetapi, masyarakat di Kelurahan Pulau Kijang masih banyak yang berhenti sekolah dan tidak melanjutkan pendidikan mereka di peringkat yang lebih tinggi, bahkan masih ada yang buta huruf.

Untuk mengetahui secara jelas tahap pendidikan yang diperoleh masyarakat, maka dapat dilihat pada jadual berikut:

Jadual 4.1.4.3.2: Tahap Pendidikan Masyarakat Pulau Kijang¹³



Daripada jadual di atas, dapat dilihat bahawa majoriti tahap pendidikan masyarakat hanya tamat SR iaitu sebanyak 42.23%, kemudian tidak tamat SD sebanyak 39.60%, tamat SMP sebanyak 15.69%, tamat SMA sebanyak 08.89%, tamat S1 (Diploma) sebanyak 01.40%, tamat akademi sebanyak 00.81 %, buta aksara dan angka 00.24%. Adapun tingkat pendidikan tertinggi masyarakat adalah S2 (Sarjana) sebanyak 00.01%.

4.1.5 Sumber Pendapatan

Sumber pendapatan penduduk Pulau Kijang dapat dilihat dari subsektor-subsektor seperti berikut:

¹³Ibid.


4.1.5.1 Bidang Pertanian Tanaman Makanan

Sawah dan ladang padi di Pulau Kijang Kecamatan Reteh merupakan salah satu penghasilan yang sangat berpotensi. Kerana padi merupakan penghasilan masyarakat dan penunjang ekonomi, maka tidak hairan jika majoriti penduduk di Pulau Kijang bekerja sebagai petani. Pulau Kijang merupakan penghasil padi terbesar di Kabupaten Indragiri Hilir, sehingga dikatakan bahawa Pulau Kijang sebagai kota padi dan merupakan lombong beras Kabupaten Indragiri Hilir.

Walaupun majoriti penduduk Pulau Kijang adalah petani. Akan tetapi, tidak semua petani tersebut memiliki sawah atau ladang sendiri, sebahagian dari mereka ada juga yang hanya bekerja sebagai buruh tani dan penyewa atau penggarap, sehingga penghasilan yang mereka perolehi pun berdasarkan kesepakatan antara mereka dengan si pemilik sawah dan ladang.

Untuk lebih jelas mengenai status pemilikan dalam bidang pertanian tanaman makanan ini, dapat dilihat dalam jadual sebagai berikut:

Jadual 4.1.5.2 Bidang Pertanian Tanaman Makanan¹⁴



Daripada jadual di atas, dapat diketahui bahawa pemilik tanah sawah sebanyak 02.43%, pemilik tanah ladang sebanyak 73.02%, penyewa/penggarap 07.27%, dan buruh tani sebanyak 17.26%.

4.1.5.3 Bidang Perkebunan


Selain sebagai penghasil padi yang cukup besar, Pulau Kijang juga memiliki hasil perkebunan iaitu kelapa. Kelapa-kelapa yang dihasilkan di Pulau Kijang ini tidak hanya dimanfaatkan untuk memenuhi keperluan masyarakatnya sahaja, namun juga di salurkan ke daerah-daerah lain, bahkan di eksport ke luar negera seperti ke Malaysia dan Singapura. Dan hingga sekarang penduduk di Pulau Kijang selain mengembangkan perkebunan kelapa, mereka juga mula membuka tanah baru untuk perkebunan kelapa sawit.

¹⁴Ibid.

Sama halnya dalam bidang pertanian, di bidang perkebunan ini juga tidak semua pekerjanya mengerjakan kebunnya sendiri, akan tetapi ada yang hanya sebagai buruh perkebunan.

Untuk lebih jelas mengenai pemilikan dalam subsektor perkebunan ini, dapat di lihat dari jadual dibawah:

Jadual 4.1.5.3 Bidang Perkebunan¹⁵:



Daripada jadual di atas, dapat kita lihat bahawa pemilik tanah perkebunan sebanyak 97.79%, sedangkan buruh perkebunan hanya 02.20%.

4.1.5.4 Bidang Penternakan


Penduduk Pulau Kijang juga memiliki usaha dalam mengembangbiakkan binatang ternakan seperti lembu, kambing, ayam dan itik. Maka tidak hairan jika ada yang mempunyai pekerjaan sebagai penternak. Sama halnya dalam sektor pertanian dan perkebunan, di sektor penternakan ini juga tidak semua yang melakukan

¹⁵Ibid.

pekerjaan sebagai penternak yang memiliki ternakan sendiri, akan tetapi ada juga yang bekerja sebagai buruh.

Untuk lebih jelas tentang subsektor penternakan ini, dapat dilihat pada jadual berikut:

Jadual 4.1.5.4 Bidang Penternakan.¹⁶



	Pemilik ternak sapi	Pemilik ternak kambing	Pemilik ternak ayam	Pemilik ternak itik
Frekuensi	86	60	117	25
Persentase	25.98%	18.12%	35.34%	7.55%

Dari jadual di atas dapat diketahui bahawa yang paling banyak adalah pemilik ternak ayam iaitu sebanyak 35.34%, kemudian pemilik ternak sapi sebanyak 25.98%, pemilik ternak kambing sebanyak 18.12%, pemilik ternak itik sebanyak 07.55% dan buruh penternak 12.99%.


¹⁶Ibid.

4.1.5.5 Bidang Perikanan

Pulau Kijang sebahagian diliputi oleh sungai, sebagaimana disebutkan dalam geografi atas, bahawa di Kecamatan Reteh terdapat Sungai Gangsal yang merupakan satu-satunya aliran sungai terbesar di Kecamatan Reteh dan merupakan urat nadi perhubungan antara desa ke desa dan keluar kota Kecamatan sampai kepada daerah lainnya di luar Kecamatan Reteh dan seterusnya. Oleh sebab itu, boleh sahaja apabila sumber pendapatan penduduk sebagai nelayan, menangkap ikan dengan menggunakan alat-alat penangkap ikan seperti jaring serta alat-alat penangkap ikan lainnya. Selain menangkap ikan di aliran sungai Gangsal, penduduk di Pulau Kijang ada juga yang memiliki kolam ikan untuk mengembangbiakkan ikan-ikan yang ada.

Salah satu alat pengangkutan yang sangat penting dalam usaha perikanan dan nelayan ini adalah memiliki kapal atau perahu. Sebab dengan alat pengangkutan itulah, maka seorang nelayan dapat melaut dan mencari ikan, bagaimana mungkin seorang nelayan boleh melaut jika mereka tidak memiliki sampan ataupun kapal. Namun, tidak semua para nelayan memiliki alat pengangkutan ini, sehingga diantara mereka ada yang menyewa sampan/kapal untuk pergi mencari ikan. Hal ini dapat dilihat pada jadual berikut ini:

Jadual 4.1.5.5 Bidang Perikanan¹⁷



Daripada jadual di atas, dapat dilihat bahawa yang pemilik perahu/sampan sebanyak 46.16%, pemilik kapal sebanyak 00.85%, pemilik kolam ikan sebanyak 00.73 %, dan buruh perikanan dan nelayan sebanyak 52.23%.

4.1.5.6 Bidang Industri Kecil dan Kraf tangan


Subsektor industri kecil dan kerajinan adalah salah satu usaha yang dikembangkan oleh masyarakat di Pekan Pulau Kijang dalam meningkatkan perekonomian mereka agar menjadi lebih baik. Walaupun jumlah industri kecil dan kerajinan ini tidak banyak, namun itu cukup membantu dan juga menjadi salah satu sumber pendapatan masyarakat. Usaha industri kecil dan usaha rumah tangga yang dikembangkan adalah seperti dalam pembuatan keropok, sama ada yang

¹⁷Ibid.

diperbuat daripada udang mahupun ikan. Sedangkan usaha kerajinan seperti pembuatan tikar dari daun pandan dan kerajinan-kerajinan lainnya yang berbahagian asal dari tanaman pohon kelapa yang banyak terdapat di Pulau Kijang.

Untuk lebih jelas tentang subsektor industri kecil dan kraf tangan ini dapat dilihat pada jadual berikut ini:

Jadual 4.1.5.6 Bidang Industri Kecil dan Kraf tangan¹⁸



	Pemilik usaha industri kecil	Pemilik usaha kerajinan	Pemilik usaha industri rumah tangga	buruh industri kecil / kerajinan
Frekuensi	23	16	7	63
Persentase	21%	15%	6.42%	57.79%

¹⁸Ibid.

Daripada jadual di atas dapat dilihat bahawa pemilik usaha industri kecil sebanyak 21.10%, pemilik usaha kraf tangan sebanyak 14.67%, pemilik usaha industri rumah tangga sebanyak 6.42%, dan buruh industri kecil sebanyak 57.79%.


4.1.5.7 Bidang Perdagangan

Perdagangan tentu tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan masyarakat, kerana hal ini juga sangat membantu dalam pertumbuhan dan perkembangan ekonomi dalam masyarakat.

Perdagangan di Pulau Kijang dilakukan juga oleh penduduk, dan majoriti yang bergerak dalam bidang perdagangan ini adalah masyarakat pendatang iaitu masyarakat suku Minang dan Bugis. Selain perdagangan, terdapat juga bidang pelayanan. Dimana subsektor pelayanan dapat dikategorikan kedalamnya iaitu pelayanan pemerintahan atau non pemerintahan, pelayanan lembaga-lembaga kewangan, penginapan dan lain-lain.

Untuk lebih jelas subsektor pelayanan dan perdagangan ini dapat dilihat dalam jadual berikut:

Jadual 4.1.5.7: Bidang Perdagangan¹⁹



No	Status/Jenis Perdagangan	Frekwensi	Peratusan
1	Komunikasi dan angkutan	2.269 Orang	76.68 %
2	Perdagangan	431 Orang	14.56 %
3	Keterampilan	124 Orang	04.19 %
4	pemerintahan/non pemerintahan (PNS, Guru, ABRI, dan lain-lain)	92 Orang	03.10 %
5	Rumah Tumpangan	3 Orang	00.10 %
6	Lembaga kewangan	2 Orang	00.06 %
7	Lainnya	38 Orang	01.28 %
Jumlah		2.959 Orang	100 %

Daripada jadual di atas, dapat dilihat bahawa, yang bergerak di komunikasi dan pengangkutan sebanyak 76.68%, perdagangan sebanyak 14.56%, keterampilan sebanyak 04.19%, pemerintahan/non pemerintahan sebanyak 03.10%, jasa penginapan sebanyak 00.10%, jasa lembaga kewangan 00.06%, dan pelayanan lainnya sebanyak 01.28%.

¹⁹Ibid.

Jika di lihat daripada huraian tersebut diatas, maka dapat disimpulkan bahawa masyarakat di Pekan Pulau Kijang bergerak dalam pelbagai sektor, termasuklah sektor pertanian, perkebunan, nelayan, industri kecil dan lain-lain. Namun pada dasarnya, sebahagian penduduk Pulau Kijang tersebut tidak hanya bergerak dalam satu sektor sahaja akan tetapi ada juga yang bergerak lebih dari satu sektor, seperti bergerak di bidang pertanian dan perkebunan²⁰.

4.1.6 Sosial Budaya Masyarakat Suku Bugis

Masyarakat suku Bugis adalah masyarakat yang sejak zaman dahulu dikenali sebagai pelaut yang ulung. Dengan perahu layar mereka mengharungi perairan Nusantara, ke Barat sampai ke Madagaskar ke Timur sampai ke Irian Jaya dan Australia.

Perkembangan suku Bugis terdapat hampir di semua pantai dan pelabuhan. Nusantara ini, mereka pada umumnya menetap menjadi penduduk tempatan, sambil mengembangkan adat istiadat persekutuan. Akibat dari persekutuan merekaterdapatlah seperti Bugis di Pangatan Kalimantan, Bugis di Johor Malaysia dan sampai ke provinsi Riau²¹.

Gelombang pertama pelayaran masyarakat suku Bugis yang pertama ke provinsi Riau terdiri dari empat orang Bangsawan Bugis, iaitu Daeng Marewa, Daeng Cellak, Daeng Kamboja, dan Daeng Parani. Keempat-empat bangsawan tersebut kemudian mengadakan asimilasi dengan suku Melayu di Riau, terutama

²⁰ Masyitha (Kerani Pejabat Pekan Pulau Kijang), Temu Bual, Kelurahan Pulau Kijang, 6 Julai 2009 Jam 9.15 pagi.

²¹ Matulada, *Latoa* (Yogyakarta: Gajah Mada Universitas Press, 1985), 9.

dengan kalangan bangsawan sejak tahun 1822, iaitu dengan menikahnya Daeng Cellak dengan adik Sultan Sulaiman. Dari hasil perkahwinan itu telah tampil sebagai generasi Melayu yang sangat kreatif dalam bidang pemikiran Islam, bahasa dan budaya, seperti Raja Ali Haji yang dikenal dengan tulisannya “Gurindam dua belas” dan Kitab *Thamarāt al-Muhimmah*²².

Gelombang kedua terjadi tahun 1959, yang akhirnya banyak bermukim di Pulau Kijang Kecamatan Reteh dan Kecamatan Enok Kabupaten Indra Giri Hilir. Perantau Bugis Gelombang kedua ini telah menjadi petani kelapa dan padi serta pedagang di Pulau Kijang.

Masyarakat Bugis yang mendiami Pulau Kijang adalah berasal dari Sulawesi Selatan yang merantau dari beberapa generasi. Namun adat istiadat yang berlaku dalam masyarakat suku Bugis yang ada di perantauan (Kelurahan Pulau Kijang) tetap berpegang teguh pada adat istiadat yang diwariskan dari nenek moyangnya.

Diantara kegiatan kemasyarakatan yang menunjukkan betapa kuatnya masyarakat suku Bugis berpegang pada ketentuan adat istiadat dapat di lihat dalam upacara-upacara penting, seperti upacara perkahwinan.

Dalam upacara perkahwinan ini terdapat tradisi-tradisi yang harus dijalankan baik sebelum terjadinya pernikahan mahupun setelah akad nikah terjadi. Contoh dalam upacara pernikahan diadakan kegiatan *mammanu'- manu'* iaitu pihak lelaki datang ke rumah pihak perempuan untuk menanyakan tentang keberadaan anak perempuan yang akan dilamar. Kemudian menentukan jumlah wang hantaran yang

²² *Ibid.*

dalam suku Bugis lebih dikenal dengan istilah *duwi menre'*. Sekaligus menentukan hari dan tarikh pelaksanaan pernikahan akan dilangsungkan. Setelah hari dan tarikh dipersetujui, maka dilangsungkan pernikahan tersebut sesuai dengan kesepakatan bersama.

Pada kelahiran anak, biasanya diadakan acara aqiqah. Dalam masyarakat suku Bugis lebih dikenali dengan istilah *marulawi/mappenre' tojang* iaitu penyembelihan haiwan (kambing) yang disajikan pada jamuan dan diikuti dengan pemotongan rambut bayi. Rambut bayi yang sudah di potong tersebut kemudian dimasukkan ke dalam kelapa muda yang sudah disiapkan.

Pada upacara kematian yang dalam masyarakat suku Bugis lebih dikenali dengan istilah *nanre telluna* (nasi ketiganya), *nanre pituna* (nasi ketujuhnya), *nanre petappulona* (nasi keempat puluhnya), *nanre siratuna* (nasi keseratusnya), dan *nanre sisebbuna* (nasi keseribunya), iaitu suatu acara khatam al-Quran dan pembacaan Surah Yasin secara bersama-sama oleh masyarakat di rumah duka²³.

Kuatnya masyarakat suku Bugis di Pulau Kijang berpegang pada adat istiadat juga terlihat daristatus sosial yang masih mempertahankan susur galur keturunan nenek moyang mereka pada masa dahulu. Danstatus sosial ini juga menentukan dalam hal pemilihan jodoh. Lapisan sosial masyarakat suku Bugis secara umum menurut tradisi *lontara* (zaman kerajaan) terbahagi kepada empat bahagian, iaitu:

1. Raja diraja yang dikenali dengan sebutan arung (karaeng):

- *Petta*, iaitu keturunan secara langsung dari raja yang memerintah.

²³ Ustadz H. Andi Kinias (Tokoh Agama dan masyarakat Bugis), Pulau Kijang, Temu Bual, 3 Julai 2009.

- *Andi*, iaitu gelaran dari keturunan Arung (karaeng) yang belum berkeluarga, tetapi setelah berkeluarga maka digelar dengan sebutan *Petta*.
- 2. *Daeng*, iaitu orang yang berketurunan bangsawan.
- 3. *Orang Merdeka*, iaitu ketua kaum atau rakyat kebanyakan.
- 4. *Ata*, iaitu hamba sahaya²⁴.

Meskipun pada saat sekarang sistem kerajaan sudah tidak ada lagi, namun tradisi tentang status sosial ini masih terdapat di kalangan masyarakat suku Bugis di Pulau Kijang, meskipun tidak seperti pada zaman dahulu.

4.2 Faktor Pemilihan Lokasi Kajian

Isu perkahwinan kerana dijodohkan dalam kalangan masyarakat suku Bugis mengandungi pelbagai reaksi dari masyarakat, Pengadilan Agama dan khususnya anak dara dan bujang yang ingin berkahwin atas pilihannya sendiri. Di Kecamatan Reteh yang terdiri dari lapan kelurahan, diantara lapan kelurahan itu Pulau Kijang Kecamatan Reteh telah terpilih sebagai lokasi kajian yang dirasakan sesuai kerana masyarakat suku Bugis yang berkahwin kerana dijodohkan banyak berlaku di tempat ini.

Pemilihan lokasi kajian ini adalah kerana ia merupakan diantara kelurahan yang banyak berlaku perkahwinan kerana dijodohkan di kalangan masyarakat suku Bugis. Semua masyarakat suku Bugis yang ada dilokasi kajian ini juga adalah

²⁴ Matullada, *Latoa*, 15.

beragama Islam, oleh itu sangat tepat apabila dianalisis dalam perspektif Kompilasi Hukum Islam Indonesia.

4.3 Latar Belakang Responden

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kajian tinjauan di mana pengkaji ingin mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan amalan atau praktik masyarakat suku Bugis dalam mengahwinkan anak mereka dengan cara menjodohkan sama ada bersetuju atau tidak bersetuju dan kaedah temubual secara mendalam amat sesuai digunakan bagi mendapatkan gambaran dan jawapan yang benar.

Sebanyak 20 hasil keputusan Pengadilan Agama Tembilahan telah dipilih mengikut ciri-ciri yang telah ditetapkan yang mana mereka ini mewakili 18 orang perempuan dan 2 orang lelaki yang berkahwin kerana dijodohkan dan sekarang telah bercerai.

4.3.1 Umur dan Taraf Pendidikan Responden

Pengkaji telah menganalisis 15 orang responden yang terdiri daripada pelbagai lapisan umur masa berkahwin dan latar belakang pendidikan yang berbeza. Perbezaan ini amat penting untuk membantu pengkaji melihat tahap pemahaman dan pemikiran setiap golongan tertentu yang diwakili oleh responden yang telah ditemubual oleh pengkaji dan juga mengetahui apakah yang menjadi latar belakang daripada perceraian mereka.

Daripada 20 orang responden ini, seramai 8 orang berumur 16-20 tahun, 6 orang berumur 21-25 tahun, 2 orang berumur 26-30 tahun, 2 orang berumur 31-35 tahun dan 2 orang berumur 41 tahun ke atas. Pada peringkat pendidikan pula, sebanyak 11 orang berpendidikan sekolah rendah, 6 orang berpendidikan sekolah menengah pertama/PMR dan 3 orang berpendidikan sekolah menengah atas/SPM.

4.3.2 Tempoh Perkahwinan Responden

Tempoh perkahwinan yang berbeza ini sangat membantu pengkaji mendapatkan gambaran dan pengalaman daripada responden yang telah berkahwin di daerah ini sekitar tahun 1993-an sehingga tahun 2010. Tujuannya adalah untuk melihat bagaimana perbezaan masa dan zaman mempengaruhi amalan adat perkahwinan masyarakat suku Bugis di daerah ini terutama perjodohan dalam perkahwinan. Daripada 20 orang responden, sebanyak 7 orang telah berkahwin selama 0-5 tahun, 7 orang selama 6-10 tahun, 2 orang selama 11-15 tahun dan 2 orang selama 16-20 tahun.

4.3.3 Pekerjaan Semasa Berkahwin

Dalam hidup berumahtangga sangat penting mempersiapkan semua keperluan hidup sehari-hari. Kerananya tahap ekonomi harus diutamakan kerana ia memegang peranan penting dan menentukan status sosial dalam sebuah keluarga. Dari masing-masing responden yang memiliki pelbagai perberbezaan dari latar belang kehidupan mereka masing-masing, boleh difahami bahawa hal tersebut menggambarkan

pelbagai pandangan yang berbeza pula terhadap isu kajian serta yang mempengaruhi terjadinya perceraian daripada perkahwinan yang telah dijalani beberapa tahun.

Hasil Kajian didapati bahawa seramai 16 orang bekerja sebagai suri rumah, 2 orang berniaga dan 2 orang kakitangan swasta.

4.4. Dapatan Kajian: Analisis Pengamalan Perkahwinan Kerana Dijodohkan Dalam Masyarakat Suku Bugis di Tempat Kajian

Bahagian ini akan membincangkan hasil kajian analisis data dan beberapa dapatan berkaitan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji yang meliputi beberapa aspek berikut:

4.4.1 Amalan Perkahwinan Kerana Dijodohkan Pada Adat Suku Bugis di Pulau Kijang

Asal bagi perkataan dijodohkan adalah jodoh, yang mana kata jodoh ini mendapat imbuhan awalan *di* dan akhiran *kan*, sehingga menjadi perkataan dijodohkan. Adapun erti jodoh iaitu pasangan hidup (lelaki atau perempuan)²⁵. Sebuah kata yang mendapat awalan *di* dertiakan sebagai yang terkena sesuatu atau yang menjadi objek dalam suatu perbuatan. Jadi, kata dijodohkan dapat dertiakan iaitu seseorang yang mendapatkan teman hidup (suami/isteri), bukan atas dasar pilihannya sendiri akan tetapi orang lain yang mencarikan, seperti orang tua, saudara dan lain-lain yang memiliki hubungan dengannya.

²⁵Kamus Dewan, 635.

Di dalam mencari jodoh (pasangan hidup), ada kalanya seseorang mencarinya sendiri dan ada pula yang dicarikan oleh orang lain, dalam erti kata dijodohkan. Jadi, jika kita teliti seorang lelaki dan perempuan boleh hidup berdampingan dalam kehidupan rumah tangga sebagai pasangan suami isteri, sebab dia telah melalui suatu proses di antara proses pemilihan jodoh, sebagai berikut:

1. Mencari jodoh sendiri atau mencari pasangan hidup sendiri, sehingga kelak jika mereka berkahwin maka itu adalah atas keinginan sendiri.
2. Dijodohkan, maksudnya perkahwinan yang terjadi bukan atas keinginan kedua belah pihak yang berkahwin namun atas kehendak orang lain. Biasanya keinginan orang tua dan keluarga, namun tidak jarang pula mereka yang bersetuju perjodohan tersebut. Adapun yang termasuk ke dalam kategori ini ada dua, iaitu dikahwinkan dan dipaksa untuk berkahwin.

Dari proses yang disebutkan di atas. Biasanya, jika seorang lelaki atau seorang perempuan ditanya untuk memilih apakah dia akan mencari jodohnya (berkahwin) sendiri dengan pasangan yang dicintainya, atau dikahwinkan (dijodohkan), maka lelaki dan perempuan ini akan lebih suka jika dia berkahwin dengan orang yang dicarinya sendiri dan yang menjadi pilihannya.

Seperti yang dikatakan Khairia, jika kelak dia berkahwin maka calon suaminya adalah orang yang dicintainya dan atas pilihannya sendiri bukan dijodohkan. Ini kerana belum tentu pilihan orang tua tersebut sesuai dengan pilihan kita sendiri²⁶. Darmawati pun mengungkapkan hal yang sama dengan Khairia. Pada dasarnya mereka ingin mencari pasangan hidup sendiri, kalau seandainya orang tua

²⁶ Khairia (Anak dara masyarakat Bugis), Pulau Kijang, Temu Bual, 9 Julai 2009 jam 4.15 petang.

mereka mahu menjodohkan dirinya, hendaknya orang tua menyampaikan terlebih dahulu kepada anaknya dan meminta persetujuan mereka, tanpa paksaan seperti mana di zaman Siti Nurbaya²⁷. Kalau memang orang yang dijodohkan dengan kita sesuai dengan diri kita maka hal itu boleh dipertimbangkan. Asalkan jangan memaksa, sesuatu hal yang dipaksa, tidak akan berakhir dengan baik²⁸.

Perkahwinan yang terjadi kerana dijodohkan pada masyarakat suku Bugis yang ada di Pulau Kijang adalah sesuatu hal yang lazim terjadi. Pelaksanaan perjodohan itu telah ada dan dilaksanakan secara turun temurun sejak dari zaman nenek moyang mereka, dan hingga kini,dalam masyarakat Bugis tetap mempertahankan kebiasaan tersebut. Tujuan tetap dilaksanakan perjodohan bagi anak-anak mereka yang belum berkahwin itu adalah untuk tetap mempertahankan adat istiadat.Dan dengan dijodohkan kemungkinan terjadinya perceraian lebih kecil kerana pada dasarnya yang dijodohkan tersebut masih memiliki hubungan kerabat²⁹.

Adapun yang terjadi pada zaman sekarang, orang tua yang masih mengkahwinkan anaknya dengan cara dijodohkan yang tidak ada diminta persetujuan kepada calon pengantin, khususnya pada masyarakat Bugis di Pulau Kijang.Maka terjadilah kehidupan rumah tangga mereka tidak harmoni, yang pada akhirnya terjadi perceraian.

²⁷ Siti Nurbaya adalah sebuah novel karya Marah Rusli yang sangat terkenal di era kemerdekaan, bahkan Novel yang diterbitkan oleh Balai Pustaka ini sudah pernah difilemkan. Novel Siti Nurbaya adalah sebuah novel yang mempunyai kehidupan sosial yang tengah berlangsung di zamannya. Jadi, kahwin paksa seperti yang dialami Siti Nurbaya sesungguhnya menampakkan seperti kebiasaan budaya waktu itu yang mana perkara perjodohan sudah amalan pada zaman tersebut.

²⁸ Darmawati (anak dari masyarakat suku Bugis), Pulau Kijang Temu Bual, 9 Julai 2009 jam 8.20 pagi.

²⁹ Ambok Jalok (Tokoh masyarakat Bugis), Pulau Kijang, Temu Bual , 12 Julai 2009 jam 9.00 malam.

Perkahwinan di dalam adat istiadat masyarakat suku Bugis merupakan hal yang sangat suci hal ini sesuai dengan ungkapan orang Bugis manakala hendak mengahwinkan anaknya iaitu “*Elo’ni Ripakkalepui*”, maksudnya akan diutuhkan jadi kalau orang yang belum berkahwin dalam pandangan adat masyarakat suku Bugis belum utuh.³⁰

Di dalam hukum adat perkahwinan masyarakat Bugis dikenali dengan adanya perkahwinan yang ideal, seorang lelaki atau perempuan diharapkan untuk mendapatkan jodohnya di dalam lingkungan keluarganya, baik dari pihak ibu maupun dari pihak ayah. Hal ini dimaksudkan untuk mempererat pertalian kekeluargaan.

Perkahwinan yang paling ideal dalam lingkungan keluarga masyarakat Bugis ialah yang berada dalam hubungan horizontal sebagai berikut:

- a. *Siala massapposiseng* iaitu berkahwin antara keluargaterdekat, hubungan perkahwinan semacam ini yang paling sesuaidi kalangan bangsawan tinggi (raja-raja) untuk menjaga keturunan dan kemurnian darah. Perjodohan tersebut disebut juga *Assialang Marola* (perjodohan yang sesuai).
- b. *Siala massappokadua* iaitu berkahwin antara keluarga yang tidak terlalu dekat dan tidak terlalu jauh, biasa pula disebut *asialanna memeng* maksudnya perjodohan yang baik dan sangat serasi.
- c. *Siala massappo katellu* iaitu berkahwin antara keluarga jauh, disebut *ripasilorongngengi* maksudnya mendekatkan kembali kekerabatan yang agak jauh. Dalam bahasa Bugis juga disebut *Ripadeppe mabelae*.

Hubungan perkahwinan yang ideal selain dalam lingkungan kerabat ialah hubungan yang berdasarkan kerana kedudukan *assikapukeng* maksudnya mempunyai

³⁰ Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, *Adat dan Upacara Perkawinan Daerah Sulawesi Selatan* (Projek Penelitian dan Pencatatan Kebudayaan Daerah, 1977/1978), 58.

hubungan sejajar kerana kedudukan sosial yang setaraf yang tujuannya antara lain untuk memperkuuh kedudukan dengan mempererat hubungan kekerabatan.³¹

Petta Siseng (tokoh adat suku Bugis) mengatakan bahawa: Dalam pelaksanaan pemilihan jodoh untuk anaknya, masyarakat suku Bugis yang ada di Pulau Kijang sangat berhati-hati. Terutama sekali orang yang berasal dari keturunan yang kurang baik tingkah lakunya dan sifatnya sangat dihindarkan. Satu pepatah yang selalu dipegang oleh masyarakat Bugis adalah “*Buana de’na mabela tumeddu’ pole riponna*” ertinya, buah yang jatuh itu tidak jauh dari pohonnya.

Dalam pemilihan jodoh masyarakat Bugis di Pulau Kijang lebih suka mendapatkan seseorang yang memiliki kelebihan positif dalam segala hal, misalnya kelebihan dalam bidang kekayaan, pendidikan, jabatan, keturunan, agama, ketampanan, kecantikan dan sebagainya. Seperti itulah yang dilakukan oleh H. Ammasek kepada puterinya Ani yang dijodohkan dengan Heri. Heri adalah lelaki baik dan memiliki jawatan yang cukup tinggi di balai polis, sehingga H. Ammasek berserta keluarganya sangat setuju apabila Ani dijodohkan dengan Heri. Ani tidak menyetujui perjodohan itu, dengan alasan dia tidak mencintai Heri. Tetapi perkahwinan tetap berlangsung kerana kesepakatan antara keluarga Ani dan Heri telah terjalin untuk menjodohkan putera puteri mereka. Apabila perkahwinan tersebut tidak jadi dilaksanakan, maka hal itu boleh terjadi *Siri*³² sama ada keluarga lelaki ataupun perempuan. Akhirnya walaupun Ani tidak menginginkan perjodohan itu terjadi, perkahwinan antara Ani dan Heri tetap harus dilaksanakan.³³ Kerana pada

³¹*Ibid.*,59 .

³²*Siri* bererti malu dalam masyarakat Bugis, pengertian yang paling lazim diterjemahkan adalah jiwa mereka, harga diri dan martabat .

³³ Haji Ammasek (orang tua yang menjodohkan anaknya), Temu bual, Pulau Kijang 13 Julai 2009 jam 5.10 petang

dasarnya urusan pemilihan jodoh dalam adat perkahwinan masyarakat Bugis peranan keluargalah yang sangat menentukan, sedangkan anak-anak hanya bersifat pasif.

Akan tetapi di antara sekian banyak kelebihan itu faktor yang paling utama adalah keturunannya. Sebab faktor-faktor lain masih boleh diusahakan setelah terjadinya perkahwinan.

Jika dilihat dari faktor keturunan ini, dalam masyarakat Bugis di Pulau Kijang masih terdapat taraf status sosial, walaupun taraf status sosial ini sudah mulai tidak berlaku lagi dalam masyarakat, akan tetapi dalam rangka urusan pemilihan jodoh hal ini masih sangat diperhatikan.

Dalam masyarakat Bugis di Pulau Kijang, walaupun si anak telah memiliki pilihan sendiri, namun yang membuat keputusan masih orang tua dan pihak keluarga. Jika si anak merestui, tentu tidak menjadi masalah. Namun, perkahwinan yang tejadi antara yang dijodohkan dengan yang tidak (pilihan sendiri), terdapat perbezaan yang cukup memebri kesan. Seperti apabila berkahwin kerana dijodohkan maka orang tua/keluarga dari pihak wanita tidak meminta hantaran yang berlebihan dari keluarga lelaki, kerana memang kesepakatan untuk menjodohkan anak telah ada. Berbeza dengan atas pilihan si anak, kemungkinan keluarga si perempuan sedikit membuat susah dalam urusan perkahwinan. Misalnya hantaran yang diminta terlalu besar bagi keluarga lelaki. Jika si lelaki tidak mampu memenuhi tentulah perkahwinan itu tidak akan terjadi.

4.4.2 Faktor-faktor Yang Menyebabkan Terjadinya Perkahwinan Kerana Dijodohkan

Berdasarkan hasil data salinan putusan Hakim Majlis Pengadilan Agama Tembilahan Kabupaten Indragiri Hilir, ternyata pada umumnya perkahwinan kerana dijodohkan menimbulkan akibat cerai, dan perempuan atau isteri yang melaporkan ke Mahkamah Syariah/pengadilan agama untuk melakukan permohonan perceraian kepada lelaki atau suaminya.

Adapun faktor-faktor yang menyebabkan terjadinya perkahwinan kerana dijodohkan pada adat suku Bugis adalah sebagai berikut:

- a. Pemahaman tentang anak harus berbakti kepada orang tua.³⁴ Dan ini berlandaskan hadis Nabi SAW:

عن عبد الله بن عمرو، قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: « رضا الله في
رضا الوالدين، وسخط الله في سخط الوالدين ». .

Maksudnya: “*Reda Allah bergantung kepada reda kedua orang tua, dan kemarahan Allah bergantung kepada kemarahan orang tua*”.³⁵

- b. Pemahaman tentang autoritidan keabsahan wali mujbir yang berhak untuk mengahwinkan anak perempuannya sendiri.³⁶
- c. Faktor hubungan darah kekeluargaan (keturunan) dan kesukuan, dengan kata lain adanya konsep yang diajarkan secara turun temurun dari kemuliaan suku

³⁴ Drs. Machfudl. S (Hakim Pratama utama Pengadilan Agama), Tembilahan,, Temu Bual, 26 September 2009 jam 4.30 petang

³⁵ Abu Bakr Ahmad bin al-Husayn al-Bayhaqi, Shu‘ab al-Iman, tahqiq: Muhammad al-Sa’id Zaghlul, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 6 : 177, hadith no. 7830.

³⁶ *Ibid.*

Bugis bahawa perkahwinan dengan hubungan keturunan dan kesukuan akan menambah kekuatan dan keakraban dalam suku Bugis.³⁷

- d. Autoriti orang tua kepada anak, bahawa dalam perkahwinan anak wajib mengikuti permintaan orang tua tanpa ada pertengkaran dan perdebatan yang tidak berkesudahan. Kerana pada prinsipnya orang tua pasti memilih yang terbaik untuk pendamping hidup anaknya.³⁸
- e. Faktor harta warisan, jika perkahwinan dijodohkan orang tua maka harta keluarga tidak jatuh ke tangan orang lain.³⁹
- f. Adanya konsep *kasiratangang* dalam perjodohan. *Kasiratangang* adalah konsep persamaan berdasarkan kasta (golongan dalam kesukuan). Contohnya keluarga Andi Eni termasuk keluarga yang dihormati dan jika ditelusuri salasilah keturunan Andi Eni termasuk keturunan raja. Supaya status *Andi* masih melekat pada dirinya maka tentulah Andi Eni harus berkahwin dengan yang bergelar *Andi* pula. Ketika orang tuanya menjodohkan dirinya dengan sepupunya Andi Udin, dirinya tidak boleh untuk menolak, kerana menyedari konsep *kasiratangang* dalam suku Bugis.
- g. Adanya faktor keinginan orang tua kelak anaknya berkahwin dengan orang yang tepat (sepadan). Ketika Daeng Mappuji melihat anaknya sudah mulai bertingkah agak liar seperti keluar malam tanpa izin dan sudah mulai berpasang-pasangan, maka untuk mengatasinya anaknya dikahwinkan segera dengan pilihannya. Dengan alasan, kerana melihat pergaulan anak muda sekarang yang begitu bebas, daripada anaknya terjerumus ke hal yang negatif,

³⁷ Hj. Daeng Matutu (Tokoh Masyarakat Bugis), Pulau Kijang, Temu Bual, 24 Julai 2009 jam 5.20 petang.

³⁸ Ustazd Drs. Hj. Junaidi (pegetua Majlis Agama Islam), Pulau Kijang, Temu Bual, 27 Julai 2009 jam 8.40 pagi.

³⁹ Hj. Dullah (orang tua yang menjodohkan puterinya). Pulau Kijang, Temu Bual, 26 Julai 2009 jam 9.00 pagi.

lebih baik beliau mencari jodoh untuknya dan mengahwinkannya dengan segera.⁴⁰

4.4.3 Kesan Yang Timbul Dari Perkahwinan Kerana Dijodohkan

Di bawah ini akan dijelaskan data kes-kes yang terjadi di Pengadilan Agama Tembilahan Kabupaten Indragiri Hilir sebagai berikut:

No	Fail Kes	Umur (tahun)	Pendidikan	Masa Berkahwin	Masa Bercerai	Jumlah anak	Pekerjaan
1	Fail Kes 1	37 tahun	Madrasah Aliyah	15 Sept 1993	2 Mac 2011	0	Berniaga
2	Fail Kes 2	41 tahun	Sekolah Menengah Pertama	17 Dis 1993	25 Jan 2011	2	Suri rumah
3	Fail Kes 3	26 tahun	Sekolah Rendah	25 Feb 1997	17 Jan 2007	1	Suri rumah
4	Fail Kes4	43 tahun	Sekolah Rendah	26 Mei 1997	21 Jan2009	0	Suri rumah
5	Fail Kes 5	33 tahun	Sekolah Rendah	4 Jan 1998	24 Mei 2010	1	Swasta
6	Fail Kes 6	28 tahun	Sekolah Rendah	28 Jan 1999	22 Jul 2009	2	Suri rumah
7	Fail Kes 7	32 tahun	Sekolah Menengah Atas	20 Ogos 2001	8 Jun 2010	2	Swasta
8	Fail Kes 8	30 tahun	Sekolah Rendah	1 Sept 2001	2 Dis 2010	1	Berniaga
9	Fail Kes 9	26 tahun	Sekolah Menengah Pertama	3 Mac 2003	15 Novr 2010	2	Suri rumah
10	Fail Kes10	23 tahun	Sekolah Menengah Pertama	10 Mac 2004	25 Jan 2011	1	Suri rumah
11	Fail Kes11	27 tahun	Sekolah Rendah	3 April 2004	11 Nov2010	1	Suri rumah
12	Fail Kes12	18 tahun	Sekolah Menengah Pertama	26 Mac 2005	28 Nov 2006	0	Suri rumah

⁴⁰ Daeng Mappuji (orang tua yang menjodohkan anaknya), *Temu bual*, Pulau Kijang 27 Julai 2009.

13	Fail Kes13	30 tahun	Sekolah Menengah Atas	13 Ogos 2005	8 Jan 2011	1	Suri rumah
14	Fail Kes14	21 tahun	Sekolah Rendah	6 Nove2005	22 Jul 2010	1	Suri rumah
15	Fail Kes15	43 tahun	Sekolah Rendah	20 Dis2005	17 Jan 2007	0	Suri rumah
16	Fail Kes16	27 tahun	Sekolah Rendah	18 Nov 2006	19 Mac 2009	0	Suri rumah
17	Fail Kes17	24 tahun	Sekolah Menengah Pertama	17 Jan 2007	01 Jun 2010	0	Suri rumah
18	Fail Kes	20 tahun	Sekolah Menengah Pertama	31 Okt 2007	14 April 2010	1	Suri rumah
19	Fail Kes19	27 tahun	Sekolah Rendah	2 Jun 2010	11 Nov 2010	0	Suri rumah
20	Fail Kes20	51 tahun	Sekolah Rendah	21 Mac 2010	02 Dis 2010	0	Suri rumah

Berdasarkan data-data salinan dari pelbagai kes di atas, maka natijah yang ditimbulkan oleh perkahwinan kerana dijodohkan adalah sebagai berikut :

1. Belum pernah bergaul (*Qabl al-Dukhul*) sebagaimana layaknya suami isteri yang sah.
2. Tidak ada keharmonian dan keserasian. Hal ini disebabkan kerana sebelum berkahwin tidak ada saling kenal-mengenali, dan saling mencintai dan akhirnya menimbulkan perceraian.
3. Berkahwin kerana menuruti kehendak orang tua, sehingga tidak ada rasa cinta dan kasih sayang di antara mereka.
4. Selama bersama selalu terjadi perselisihan dan pertengkaran serta berbantah-bantahan secara terus menerus.
5. Tidak ada pertanggungjawaban memberi nafkah zahir dan batin.
6. Sentiasa emosional apabila mereka dinasihatati.

7. Wujud perbuatan serong dan berhubungan dengan orang yang tidak halal baginya.
8. Berbuat sesuka hati dan tidak peduli dengan pasangannya.

Kemudian dari hasil temubual penulis dengan pasangan-pasangan yang berkahwin kerana dijodohkan, sebahagian besar mereka mengatakan bahawa kehidupannya tidaklah bahagia. Sementara pertengkaran dan ketidakharmonian dalam rumah tangga bukanlah hal yang asing lagi bagi mereka. Maka tidak hairanlah apabila terdapat pasangan yang berkahwin kerana dijodohkan mengakhiri perkahwinannya dengan jalan perceraian.⁴¹

Namun dari sekian banyak pasangan, masih ada pasangan suami isteri yang bahagia yang berkahwin kerana dijodohkan. Seperti temu bual penulis dengan seorang pasangan suami isteri yang bernama Hj. Tafadhal dengan Rogayah, mereka mengatakan: “kami cukup bahagia walaupun perkahwinan dijodohkan, dan orang tua pastilah mencarikan yang terbaik untuk anaknya, dari perkahwinan mereka beroleh dua orang anak”⁴². Dan mereka sangat yakin dengan hadis Rasulullah SAW:

عن عبد الله بن عمرو، قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : « رضا الله في رضا الوالدين ، وسخط الله في سخط الوالدين ».

Maksudnya: “Reda Allah bergantung kepada reda kedua orang tua, dan kemarahan Allah bergantung kepada kemarahan orang tua”.⁴³

⁴¹ Herlinda (pasangan yang dijodohkan), Pulau Kijang, Temu Bual, 28 Julai 2009 jam 5.15 petang.

⁴² H. Tafadhal (pasangan yang berkahwin kerana dijodohkan), Pulau Kijang, Temu Bual, 12 April 2009 jam 9.30 pagi.

⁴³ Al-Bayhaqi, Shu‘ab al-Iman, 6 :177, hadith no. 7830.

4.4.4 Kes-kes Perkahwinan Kerana Dijodohkan

Kes-kes perkahwinan yang terjadi dalam masyarakat suku Bugis di Pulau Kijang yang pengkaji temui di lapangan. Pelbagai masalah yang terjadi, ada kehidupan rumah tangganya yang berjalan dengan baik meski pada mulanya si anak tidak bersetuju perjodohan tersebut, ada pula yang kehidupan rumah tangganya yang tidak pernah baik, yang mana pertengkar dan perbalahan selalu terjadi. Bahkan ada pula yang hingga terjadi perceraian.

Contoh kes perkahwinan kerana dijodohkan yang akhirnya bercerai :

“Musdalifah binti Hj. Husain umur 37 tahun dan Mattang bin Hj. Abbas umur 40 tahun, mereka berkahwin pada tahun 15 September 1993 dan rasmi bercerai 2 Mac 2011. Si isteri menggugat cerai suaminya kerana selama dalam menjalani kehidupan rumah tangga tidak merasa bahagia dan tidak rasa cinta yang tulus apalagi mereka sepupu yang dijodohkan oleh orang tua mereka, dengan beberapa alasan yang disampaikan ke Pengadilan Agama Tembilahan Kabupaten Indragiri Hilir maka diterimalah gugatan perceraian dan diputus talak satu *bai'n sughra*.⁴⁴”

Contoh kes perkahwinan kerana dijodohkan yang tidak harmoni:

“Suhaibah (25 tahun) dan Lahueng (28 tahun) masih dapat dikatakan sebagai pasangan pengantin baru, sebab mereka baru beberapa bulan yang lalu menikah pada bulan Mac 2007. Dari awal pernikahan hubungan antara Lahueng dan Suhaibah memang sudah tidak akur. Karena memang mereka menikah bukan berlandaskan rasa cinta, tetapi karena orang tua mereka yang menjodohkan. Lahueng tidak menyukai sifat dan tabiat Suhaibah yang manja dan selalu bergantung kepada orang tuanya dan tidak bisa mengurus urusan rumah tangga. Bahkan sebelum pernikahan terjadi Lahueng sudah mengatakan keberatannya, namun orang tua Lahueng terutama ibunya selalu mendesak Lahueng untuk muhuj dijodohkan dengan Suhaibah. Orang tua Lahueng melihat bahawa Suhaibah adalah calon menantu yang ideal, sebab Suhaibah adalah seorang guru seperti halnya Lahueng. Tentulah Suhaibah sangat sesuai dengan Lahueng. Namun ternyata profesi tidak menjamin kebahagiaan dalam berumah tangga. Lahueng dan Suhaibah kerap bertengkar, bahkan hal-hal yang kecil boleh membawa kepada pertengkarannya.⁴⁴

⁴⁴ Lahueng (Pasangan yang Dijodohkan), Pulau Kijang, Temu Bual, 19 Julai 2009 jam 9.00 malam.

Contoh kes perkahwinan kerana dijodohkan yang cukup harmoni :

“Hj. Tafadhal yang lahir di Pulau Kijang, 10 Mac 1972 telah dijodohkan oleh Mak ciknya dengan saudara sepupunya sendiri bernama Rogayah yang lahir di Lahang Hulu, 1975 yang berkahwin tanggal 01 November 1994 dan sekarang telah dikurniakan 2 orang anak dan keduanya menerima perjodohan tersebut dengan penuh keikhlasan kerana ia beralasan berbakti kepada kedua orang tua.”⁴⁵

Membina kehidupan rumah tangga tidaklah mudah, tidak selamanya rumah tangga itu berjalan harmoni. Seperti dalam kes-kes yang telah penulis sebutkan di atas menunjukkan perkahwinan yang terjadi kerana dijodohkan dalam masyarakat Bugis. Adapun tidak bahagia setelah berkahwin kerana dijodohkan yang mengatakan sangat bersetuju seramai 33.3%, 40% bersetuju, 20% kurang bersetuju dan 6.67% tidak bersetuju.

Akibat dari terjadinya perceraian tidak hanya terhadap hubungan pasangan yang bercerai sahaja, akan tetapi juga terhadap keluarga kedua belah pihak. Disebabkan perjodohan itu terjadi antara mereka yang masih memiliki hubungan kerabat sehingga ketika bercerai hubungan kerabat yang dulunya begitu dekat menjadi jauh. Dan ini dapat menimbulkan hubungan silaturahim yang rosak.

Selain itu, Sayyidina ‘Umar bin Khattab pernah berkata kepada Bani Sa‘ab :

...فَقَدْ ضَعَفْتُمْ فَانْكَحُوا الْغَرَائِبَ...

Maksudnya: “...Sesungguhnya kamu adalah lemah-lemah, maka berkahwinlah kamu dengan orang-orang asing ...”.⁴⁶

Sayyidina Umar berpendapat bahawa perkahwinan di lingkungan keluarga dekat menyebabkan keturunan yang lemah jasmani dan rohani.⁴⁷

⁴⁵ Hj. Tafadhal (Pasangan yang dijodohkan), Pulau Kijang, Temu Bual, 25 Julai 2009 jam 9.30 pagi.

⁴⁶ Mahir Khadir, *al-Iqtirāb wal Ightirāb fi al-Zawājī*, <http://pulpit.alwatanvoice.com/content/print/248948.html>, 25 Februari 2012.

Dalam ilmu kesihatan, tidak sedikit ilmuwan yang menganggap dan menemukan bahawa kemungkinan cacat dan penyakit keturunan kepada anak-anak yang lahir dari perkahwinan dengan kerabat dekat ini lebih besar daripada anak-anak yang lahir dari perkahwinan dengan orang lain⁴⁸.

4.4.5 Faktor-faktor Yang menyebabkan Terjadinya Perkahwinan Kerana Dijodohkan

Perkahwinan kerana dijodohkan tersebut boleh terjadi, setidak-tidaknya kerana dua hal berikut ini:

1. Si anak menerima saja calon pendamping hidup yang telah ditentukan oleh kedua orang tuanya/pihak keluarga tanpa melalui perdebatan atau pertengkaran yang bererti. Dalam hal ini, boleh jadi awalnya si anak merasa tidak suka dan tidak senang dengan kehendak kedua orang tuanya itu, akan tetapi, lewat pendekatan dan dialog yang akrab dan hangat, akhirnya si anak mahu berkahwin dengan orang yang dijodohkan dengannya itu.
2. Si anak menerima calon pendamping hidup yang telah ditentukan oleh keduanya orang tuanya/kerabat dengan melalui perdebatan atau pertengkaran yang demikian *alot*. Bahawa autoriti yang dimiliki orang tua dalam hal ini mampu memaksa sedemikian rupa sehingga si anak tidak berdaya untuk menolak kehendak kedua orang tuanya⁴⁹.

Hubungan keluarga (keturunan) tidak dapat dipisahkan dari terjadinya perjodohan, sehingga kerana faktor keturunan (masih keluarga/kerabat) itulah menjadi salah satu penyebab terjadinya perkahwinan kerana dijodohkan. Sebagaimana yang dikatakan oleh Hj. Madeng (tokoh adat/sesepuh masyarakat suku Bugis), iaitu:

⁴⁷ Drs. H. Djamaan Nur, *op. cit.*

⁴⁸ Muhammad Muhyiddin, *op. cit.*

⁴⁹ Muhammad Muhyiddin, *Saat Yang Indah Untuk Menikah* (Yogyakarta : DIVA Press, 2005), 143.

“Salah satu penyebab orang tua menjodohkan anaknya kerana ingin tetap menjaga kemurnian keturunan. Apabila si anak berkahwin bukan dari kalangan mereka (misalnya dari suku lain) maka keturunannya sudah tidak dianggap lagi *murni* suku Bugis. Maka dari itulah menjodohkan anak dengan yang masih memiliki hubungan keluarga dilakukan orang tua, dari pada kelak si anak memilih sendiri calon pendampingnya”⁵⁰.

Selain untuk mempertahankan hubungan nasab, terjadinya perkahwinan kerana dijodohkan juga disebabkan agar harta keluarga tidak jatuh ke tangan orang lain. Haji Dullah mengatakan bahawa dia menjodohkan puterinya dengan anak saudara sepupunya sendiri, kerana menimbang agar harta yang dimilikinya kelak akan diwariskan kepada anaknya, dan dirinya tidak ingin harta yang dimilikinya jatuh ke tangan orang lain. Maka dari itu agar harta tersebut tidak jatuh ketangan orang lain, Hj. Abdullah menjodohkan anaknya dengan anak saudara sepupunya. Jadi kelak harta yang akan diwariskannya itu tetap dinikmati dari kalangan mereka juga⁵¹.

Orang tua tentu ingin yang terbaik buat anaknya, mereka tidak ingin melihat anaknya hidup susah. Salah satunya dalam urusan jodoh. Masih terdapat orang tua yang mencarikan jodoh untuk anaknya, kerana itu disebabkan mereka beranggapan bahawa pilihannya itu adalah yang terbaik untuk anak mereka, sedangkan kalau anak memilih sendiri belum tentu sesuai dengan keinginan orang tua. Namun sayang orang tua tidak mempertimbangkan apakah si anak menyukainya atau tidak. Bagi mereka apa yang menjadi pilihan mereka itulah yang terbaik. Drs. Hj. Junaidi mengatakan: “*Sebenarnya orang tua ingin yang terbaik untuk anaknya, jodoh yang dipilihkan oleh orang tua untuk anak mereka tentulah itu yang menurut orang tua*

⁵⁰ Hj.Daeng Matutu (Tokoh Masyarakat Bugis), Pulau Kijang, Temu Bual, 24 Julai 2009.

⁵¹ Hj. Abdullah (Orang tua yang menjodohkan anaknya), Pulau Kijang, Temu Bual, 26 Julai 2009.

terbaik. Tidak ada orang tua yang ingin anaknya hidup susah dan menyeksa kehidupan anak mereka”⁵².

Faktor ekonomi juga menjadi penyebab terjadinya perkahwinan kerana dijodohkan. Seperti yang dikatakan Ambo Tang, dirinya menjodohkan puterinya dengan anak salah satu kerabatnya yang kehidupan ekonominya serba mencukupi bahkan dapat dikategorikan termasuk orang kaya. Sedangkan Ambo Tang hanya seorang petani dengan penghasilan yang sangat sederhana. Ambo Tang melakukan hal itu kerana memang kerabatnya tersebut yang terlebih dahulu menyampaikan maksud untuk menjodohkan anak mereka. Ambo Tang tiada kuasa untuk menolak kerana selama ini perekonomian keluarganya sering dibantu oleh kerabatnya tersebut⁵³.

Berbeza lagi dengan Daeng Mappuji, dirinya menjodohkan anaknya kerana merasa khawatir melihat pergaulan anak muda pada zaman sekarang yang begitu bebas. Sebenarnya Daeng Mappuji dan Daeng Massisek telah lama menjodohkan anak mereka, namun ketika menjodohkan itu mereka hanya ingin anak mereka kelak berkahwin dengan orang yang tepat. Ketika Daeng Mappuji melihat anaknya sudah mulai bertingkah agak liar, seperti sering keluar malam tanpa izin dan sudah mulai berpacaran. Maka untuk mengelakkan hal tersebut anaknya pun dikahwinkan segera dengan pilihan orang tua. Kata Daeng Mappuji “Saya menjodohkan puteri saya, kerana melihat pergaulan anak muda sekarang yang begitu bebas, daripada anak saya

⁵² Drs Hj. Junaidi (Pengetua Majlis Agama Islam), Pulau Kijang, Temu Bual, 27 Julai 2009 jam 10.00 pagi.

⁵³ Ambo Tang (Orang tua yang menjodohkan anaknya), Pulau Kijang, Temu Bual, 27 Julai 2009 jam 8.20 malam.

terjerumus. Lebih baik saya mencarikan jodoh untuknya dan mengahwinkan dia segera”⁵⁴.

Konsep *kairatangang* dalam urusan perjodohan di dalam masyarakat Bugis, sangat di pegang teguh oleh Andi Eni. Dirinya menyedari bahawa keluarganya sangat memegang adat istiadat. Sehingga Andi Eni sangat berhati-hati dalam mencari pasangan hidup. Keluarga Andi Eni termasuk keluarga yang terpandang, dan jika diteliti salasilah keturunan, Andi Eni termasuk keturunan raja. Supaya gelaran Andi masih kekal pada dirinya, maka tentulah Andi Eni harus menikah dengan yang bergelar Andi pula. Ketika orang tuanya menjodohkan dirinya dengan sepupunya Andi Udin dirinya tak boleh untuk menolak, dirinya menyedari mematuhi orang tua itu yang terbaik⁵⁵.

Jadi, dapat disimpulkan bahawa faktor-faktor yang menyebabkan terjadinya perkahwinan kerana dijodohkan adalah :

- a. Untuk mempertahankan adat yang telah berlaku secara turun temurun.
- b. Untuk mempertahankan hubungan nasab (keturunan), dan lebih mempererat hubungan kekeluargaan.
- c. Pertimbangan harta, iaitu harta keluarga tidak jatuh ke tangan orang lain. Maksud orang lain disini adalah menantu yang bukan dari kalangan mereka (Bugis).
- d. Orang tua beranggapan bahawa pilihannya (orang yang dijodohkan dengan si anak) adalah yang terbaik buat si anak.
- e. Faktor ekonomi

⁵⁴ Daeng Mappuji (Orang Tua yang menjodohkan anaknya), Pulau Kijang, Temu Bual, 29 Julai 2009 jam 9.05 malam.

⁵⁵ Andi Eni (pasangan yang dijodohkan), Pulau Kijang, Temu Bual, 28 Julai 2009.

- f. Pendidikan yang masih rendah
- g. Adanya kebimbangan orang tua melihat pergaulan pemuda pemudi pada zaman sekarang yang begitu bebas.
- h. Ada perasaan merasa berhutang budi.
- i. Si anak tidak ingin mengecewakan orang tua/keluarga yang telah menjodohkan dirinya, walaupun pada mulanya mereka menolak.

4.4.6 Kesan dari Perkahwinan kerana Dijodohkan

Ada sebab tentulah ada akibat. Selain penyebab-penyebab terjadinya perkahwinan kerana dijodohkan dalam masyarakat Bugis di Pulau Kijang yang telah disebutkan di atas, maka ada pula akibat yang ditimbulkannya.

Dari hasil temu bual pengakji dengan pasangan-pasangan yang berkahwin kerana dijodohkan, sebahagian besar dari mereka mengatakan bahawa kehidupannya tidaklah bahagia, pertengkaran dan ketidakharmonian dalam rumah tangga bukanlah hal yang asing lagi bagi mereka. Maka tak hairan apabila terdapat pasangan yang berkahwin kerana dijodohkan harus mengakhiri perkahwinannya dengan jalan perceraian. Dan penyebab ketidakharmonian itu disebabkan kerana:

- a. Tidak ada rasa cinta dan kasih sayang diantara pasangan yang dijodohkan.
- b. Perkahwinan itu terjadi kerana keterpaksaan.

Herlinda yang berkahwin kerana dijodohkan dengan sepupunya sendiri mengatakan dengan nada yang jelas tidak ingin mengingat masa lalunya itu lagi:

“Saya berkahwin tidak di landasi rasa suka dan cinta⁵⁶, namun kerana dijodohkan. Saya sangat tidak menyetujui perjodohan itu bahkan saya sangat membencinya. Tapi ayah saya sangat berautoriti terhadap anaknya, dia tetap memaksakan kehendaknya. Ya seperti inilah akibatnya, kami bercerai. Bahkan selama masih menjadi suami isteri kami tidak pernah tinggal serumah, saya tidak sudi”⁵⁷.

Perkahwinan tidak hanya sekadar menyatukan dua jiwa yang berbeza, tetapi juga menyatukan dua keluarga. Namun apa jadinya apabila keluarga terlalu ikut campur dalam urusan rumah tangga anaknya. Ani merasakan hal itu, selama menjalani kehidupan rumah tangga dengan Heri. Ani selalu merasa tidak nyaman kerana keluarga Heri selalu mencampuri urusan rumah tangga mereka. Memang setelah menikah Ani berpindah ke rumah keluarga Heri dan tinggal bersama mertuanya.

“Perkahwinan kami memang dijodohkan, dari sebelum berkahwin sampai setelah berkahwin keluarga selalu mencampuri urusan rumah tangga saya. Padahal ada hal-hal tertentu yang hanya saya dan suami saya yang boleh mengetahuinya. Saya tidak sanggup lagi mendapat perlakuan yang tidak menyenangkan, lebih baik bercerai daripada menanggung beban batin terus menerus”⁵⁸.

Fitriyani yang juga dijodohkan oleh orang tuanya mengakui bahawa gara-gara berkahwin dengan orang yang tidak dicintainya dan sering menimbulkan pertengkaran antara dirinya dengan suaminya, sehingga hubungan mereka tidak harmoni. Namun ketidakharmonian itu juga berakibat kepada hubungan Fitriyani dengan orang tuanya, Fitriyani sering menyalahkan orang tuanya apabila timbul permasalahan antara dirinya dengan suaminya dengan mengatakan, “Jangan salahkan

⁵⁶Cinta adalah rasa menyayangi, mengasihi, merasa ikut memiliki, merasa selalu rindu, merasa ingin mengabdi dan berbakti kepada orang lain.

⁵⁷Herlinda (pasangan yang dijodohkan), Pulau Kijang, Temu Bual, 28 Julai 2009.

⁵⁸Ani (Pasangan yang dijodohkan), Pulau Kijang, Temu Bual, 11 Mei 2008.

saya jika rumah tangga saya sering terjadi konflik, itu kan jodoh yang kalian pilihkan untuk saya”.⁵⁹

Apabila kita perhatikan bahawa perkahwinan yang terjadi kerana dijodohkan dalam masyarakat Bugis di Pulau Kijang pada umumnya terjadi antara kerabat mereka sendiri dan yang lazimnya itu adalah antara sepupu sama ada dari pihak ayah atau ibu. Dan ini sesuai dengan konsep perkahwinan ideal dalam masyarakat Bugis. Akan tetapi dari kes-kes yang terjadi, ternyata perkahwinan yang dijodohkan itu majoriti yang pengkaji temui dilapangan kehidupan rumah tangganya tidak harmoni bahkan ada yang bercerai. Akibat dari perceraian itu sendiri tidak hanya dirasakan oleh pasangan suami isteri yang bercerai saja, namun hubungan keluarga kedua belah pihak pun menjadi tidak harmoni juga padahal mereka masih kerabat dekat, sehingga hal ini dapat merosak ikatan kekerabatan tersebut. Saidina Umar bin Khattab pun pernah mengatakan kepada BaniSa‘ab bahawa perkahwinan di lingkungan keluarga dekat menurunkan keturunan yang lemah jasmani dan rohani.⁶⁰

Dalam ilmu kesihatan, tidak sedikit ilmuwan yang menganggap dan menemukan bahawa kemungkinan cacat dan penyakit turunan kepada anak-anak yang lahir dari perkahwinan dengan kerabat dekat ini lebih besar daripada anak-anak yang lahir dari perkahwinan dengan orang lain⁶¹.

Tidak selamanya perkahwinan kerana dijodohkan tersebut berakibat negatif, akan tetapi juga berakibat positif. Seperti yang dikatakan Daeng Parani:

⁵⁹ Fitriyani (Pasangan yang dijodohkan), Pulau Kijang, Temu Bual, 11 Mei 2008.

⁶⁰ Drs. H. Djamaan Nur, *Fiqih Munakahat* (Semarang: Dina Utama, 1993), 15.

⁶¹ Muhammad Muhyiddin, *Saat Yang Indah*, 159.

“Perkahwinan itu tidak hanya menyatukan dua jiwa yang berbeza, namun juga menyatukan dua keluarga. Biasanya yang selalu dijodohkan itu yang masih memiliki hubungan kerabat, hal ini juga sesuai dengan konsep perkahwinan yang ideal dalam suku Bugis. Kerana keluarga sudah saling mengenal sehingga masing-masing pihak sudah tidak sukar lagi untuk beradaptasi dan mereka juga sudah saling mengetahui karakter dan perilaku masing-masing”⁶².

Dapat disimpulkan bahawa akibat daripada perkahwinan kerana dijodohkan dapat dilihat dari dua segi, iaitu segi positif dan segi negatif.

4.4.6.1: Akibat Positif perkahwinan kerana dijodohkan:

- a. Bolehnya perjodohan itu terjadi kerana keluarga sudah saling mengenal sehingga pihak masing-masing sudah banyak mengetahui karakter dan perilaku pihak lain kerana sudah saling bergaul antara satu sama lain.
- b. Ikatan nasab akan lebih menguatkan diantara kerabat yang bersangkutan, dan hal itu akan membantu dalam hubungan silaturahim yang sangat dituntut dalam Islam.
- c. Secara umumnya perjodohan itu terjadi antara kerabat dekat sehingga kerabat itu lebih mudah memenuhi tuntutan awal perkahwinan dan keperluan-keperluan lain.
- d. Apabila timbul masalah dalam perkahwinan, maka pihak keluarga akan segera membantu.

⁶²Hj. Sanusi, (Tokoh adat suku Bugis), Pulau Kijang, Temu Bual, 29 Julai 2009 jam 8.10 malam.

4.4.6.2: Akibat negatif perkahwinan kerana dijodohkan:


- a. Tidak adanya rasa cinta dan kasih sayang diantara keduanya. Padahal dalam membina sebuah rumah tangga harus ada rasa cinta sebagai pengukuh dan tegaknya rumah tangga tersebut.
- b. Perkahwinan yang terjadi kerana dijodohkan bukanlah atas kehendak si anak, sehingga si anak merasa kurang bertanggungjawab terhadap keluarganya (isteri/suaminya).
- c. Sering terjadi pertengkaran dan perbalahan antara mereka, sehingga hubungan antara keduanya menjadi tidak harmoni.
- d. Selain itu, ketidakharmonian juga akan memberi kesanterhadap hubungan antara anak dan orang tua/keluarga kerana ada rasa ketidaksenangan anak kepada orang tuanya karena telah dijodohkan, sehingga si anak sering berkata kepada orang tuanya:
 - Ini semua pasal ibu bapa yang telah mengahwinkan saya dengan orang yang tidak saya cintai.
 - Kalauolah kalian tidak menjodohkan saya dengan dia, tentu saya tidak mengalami nasib sial seperti ini.
 - Jangan salahkan saya jika rumah tangga saya sering dilanda konflik.
- e. Pihak keluarga (orang tua) selalu ikut campur dalam urusan rumah tangga anaknya, padahal si anak ingin memiliki kehidupan peribadi sendiri antara dirinya dan suami/isteri.
- f. Apabila selalu terjadi pertengkaran, maka tidak jarang perkahwinan tersebut akan berakhir dengan perceraian.

g. Apabila terjadi perceraian hubungan keluarga antara kedua belah pihak akan membawa kepada ketidak harmonian, walaupun mereka masih kerabat dekat.

4.4.7 Hasil Laporan Responden Melalui Borang Yang Telah Disediakan


Pengkaji telah menyediakan beberapa soalan temu bual yang berkaitan dengan objektif kajian yang ingin dicapai. Memandangkan temu bual ini dilakukan secara mendalam, soalan-soalan tambahan dan secara spontan turut diajukan kepada responden berdasarkan jawapan dan respons yang diberikan oleh mereka.

1. Berkahwin kerana dijodohkan.




Daripada hasil borang temu bual, didapat daripada 15 responden, 66% menyatakan kurang bersetuju untuk berkahwin kerana dijodohkan, dan 27 % tidak bersetuju 7 % bersetuju dan tidak ada seorang pun yang mengatakan sangat bersetuju untuk dijodohkan.

2. Berkahwin atas pilihan sendiri.




Daripada 15 orang responden, 40% mengatakan sangat bersetuju berkahwin itu pilihan sendiri, 46.7% mengatakan bersetuju dan 13.3% kurang bersetuju. Dan tidak ada satupun yang sepakat untuk kahwin dijodohkan.

3. Berkahwin kerana harta benda.




Ternyata responden yang dikahwinkan kerana dijodohkan untuk tujuan mencari harta benda sebanyak 53% tidak bersetuju dan 40% kurang bersetuju serta 6.67% yang mengatakan bersetuju.

4. Kebahagiaan setelah berkahwin kerana dijodohkan.




Adapun tidak bahagia setelah berkahwin kerana dijodohkan yang mengatakan sangat bersetuju seramai 33.3%, 40% bersetuju, 20% kurang bersetuju dan 6.67% tidak bersetuju.

5. Memberikan mahar dengan jumlah yang banyak.




Berdasarkan jadual di atas difahami bahawa, seramai 6.67 % sangat bersetuju berkahwin kerana dengan memberikan mahar yang banyak, seramai 33.3 % yang bersetuju, 46.7 % yang kurang bersetuju dan 13.3 % yang tidak bersetuju.

6. Sebelum aqad berlangsung, wali tidak menanyakan kepada calon pengantin sama ada bersetuju atau tidak.



Daripada pernyataan 15 orang responden yang dijodohkan, mereka ketika mahu akad nikah tidak ada ditanyakan oleh wali ketika hendak dikahwinkan, sehingga 13.3 % yang sangat bersetuju, 13.3 % bersetuju, 66.7 % kurang bersetuju dan 6.67 % tidak bersetuju seramai.


7. Tidak ikhlas menerima calon yang dijodohkan.



Daripada jadual di atas, dapat diketahui bahawa 60% para pengantin sangat bersetuju bahawa mereka tidak ikhlas menerima calon yang dijodohkan, manakala


seramai 20% yang bersetuju, 13.3% yang kurang bersetuju dan hanya 6.67% yang ikhlas menerima calonnya.

8. Kurangnya motivasi untuk mencari nafkah.




Ternyata perkahwinan yang dijodohkan adalah kesan dariada motivasi mencari nafkah keluarga. Ini kerana berdasarkan borang temu bual, dapat disimpulkan bahawa 60% menyatakan mereka kurang memiliki motivasi untuk mencari nafkah. Iaitu seramai 60% sangat bersetuju, tentang kurangnya motivasi mencari nafkah apabila berkahwin kerana bukan pilihannya sendiri. Manakala 20% bersetuju, 13% kurang bersetuju dan 7% tidak bersetuju.

9. Apakah mencintai dengan pasangan yang dijodohkan.




Daripada jadual di atas didapati bahawa mereka yang dijodohkan itu kurang mencintai pasangannya. Seramai 40% sangat bersetuju, 46% yang bersetuju, 6.67% yang kurang bersetuju dan 6.67% yang tidak bersetuju.

10. Perkahwinan kerana dijodohkan untuk mempertahankan nasab




Ternyata salah satu tujuan perkahwinan kerana dijodohkan itu adalah untuk mempertahankan nasab. Seramai 13.3% sangat bersetuju, 33.3% yang bersetuju, 46.7% yang kurang bersetuju dan 6.67% yang tidak bersetuju.

11. Ketidak pedulian kepada keluarga.




Daripada responden yang ditanyakan berkenaan ketidak pedulian kepada keluarga, ternyata seramai 66.7% yang sangat bersetuju, 26.7% yang bersetuju, dan 6.67% yang bersetuju. Sehingga dapat difahami bahawa kebanyakannya yang tidak peduli kepada keluarga bagi mereka yang berkahwin kerana dijodohkan.

12. Menginginkan cepat bercerai.




Berdasarkan kepada perkahwinan yang dijodohkan itu, seramai 26.7% sangat bersetuju menginginkan cepat bercerai, manakala 60% yang bersetuju, 13.3% yang kurang bersetuju.

13. Keharmonian dalam menjalani kehidupan rumah tangga




Ternyata perkahwinan yang dijodohkan dalam keharmonian berumah tangga, majoriti tidak bersetuju bahawa perkahwinan yang dijodohkan membawa keharmonian berumah tangga iaitu seramai 73.3% dan seramai 26.7% sahaja yang kurang bersetuju.

14. Sayang sepenuh hati kepada mertua.




Walaupun perkahwinan kerana dijodohkan, didapati tidak ada seorangpun responden yang tidak sayang kepada mertua, tetapi yang kurang bersetuju seramai 13.3%, seramai 60% yang bersetuju dan yang sangat bersetuju seramai 26.7%.

15. Sayang sepenuh hati kepada saudara mara.




Mereka yang perkahwinannya dijodohkan itu tetap bersefahaman bahawa menyayangi saudara mara iaitu seramai 13.3% sangat bersetuju dan seramai 73.3% bersetuju. Mereka yang kurang bersetuju dan yang tidak bersetuju masing-masing hanya 6.67%. Dan ternyata apabila dihitung maka seramai 86.6% yang bersetuju dan seramai 13.34% yang menyatakan tidak sepenuh hati menyayangi saudara mara mereka.

16. Perkahwinan kerana dijodohkan untuk mempertahankan adat nenek moyang.




Seramai 73.3 % responden kurang bersetuju dan tidak bersetuju apabila perkahwinan kerana dijodohkan itu untuk mempertahankan adat nenek moyang, dan seramai 26.6 % yang bersetuju dan sangat bersetuju.

17. Pilihan orang tua adalah pilihan terbaik.




Seramai 6.67% responden yang sangat bersetuju mengatakan bahawa pilihan orang tua adalah pilihan terbaik untuk menjalani kehidupan rumah tangga, 13.3% responden yang bersetuju. Manakala seramai 66.7% responden yang kurang bersetuju dan seramai 13.3% responden yang tidak bersetuju.

18. Perkahwinan kerana dijodohkan disebabkan adanya orang tua merasa mempunyai hutang budi kepada pihak calon pasangan.




Seramai 40% responden mengatakan tidak bersetuju bahawa perkahwinan kerana dijodohkan disebabkan adanya orang tua berhutang budi kepada pihak calon pasangan. Manakala seramai 60% responden mengatakan kurang bersetuju.

19. Perkahwinan kerana dijodohkan dilangsungkan bermaksud ingin membahagiakan orang tua.



Seramai 7% responden yang sangat bersetuju perkahwinan kerana dijodohkan dilangsungkan bermaksud ingin membahagiakan orang tua, seramai 47% responden yang bersetuju, seramai 33% responden yang kurang bersetuju dan hanya 13% responden yang tidak bersetuju.

20. Berkahwin kerana dijodohkan tetapi diminta bersetujunya kepada calon pengantin.



Daripada jadual di atas dapat difahami bahawa seramai 73.3% kurang bersetuju berkahwin kerana dijodohkan yang diminta persetujuan oleh calon pengantin.

pengantin. Dan selebihnya hanya 26.7% yang bersetuju. Ertinya responden sentiasa mahu memilih sendiri pasangan hidupnya dengan tiada paksaan dari sesiapa.

4.5 Jadual Hasil Pendapat Responden

Metode yang digunakan untuk borang di bawah ini adalah dengan cara *rating scale* yang memuat Sangat Bersetuju (SB) dengan markah 4, Bersetuju (B) dengan markah 3, Kurang Bersetuju (KB) dengan markah 2, dan Tidak Bersetuju (TB) dengan markah 1.

No	Soalan Yang Ditanya	Sangat Bersetuju	Bersetuju	Kurang Bersetuju	Tidak Bersetuju
1	Berkahwin kerana dijodohkan	0	1	10	4
2	Berkahwin atas pilihan sendiri	6	7	2	0
3	Berkahwin kerana harta benda	0	1	6	8
4	Kebahagiaan setelah berkahwin kerana dijodohkan	5	6	3	1
5	Memberikan mahar dengan jumlah yang banyak	1	5	7	2
6	Sebelum Akad berlangsung, wali tidak menanyakan kepada calon pengantin sama ada bersetuju atau tidak.	1	1	2	11
7	Ikhlas menerima calon pasangan yang dicari oleh orang tua	2	2	10	1
8	Motivasi tinggi untuk mencari nafkah	9	3	2	1
9	Sangat mencintai pasangan	6	7	1	1
10	Perkahwinan dijodohkan untuk mempertahankan nasab	2	5	7	1
11	Peduli dengan keluarga	10	4	1	0
12	Menginginkan Cepat bercerai	0	1	2	12
13	Selalu bergaduh	0	0	4	11
14	Sayang sepenuh hati kepada mertua	4	9	2	0
15	Sayang sepenuh hati kepada karib kerabat	2	11	1	1
16	Perkahwinan kerana dijodohkan untuk mempertahankan adat leluhur.	2	2	8	3
17	Pilihan orang tua adalah pilihan terbaik	1	2	10	2

18	Perkahwinan kerana dijodohkan disebabkan adanya orang tua merasa punya hutang budi kepada pihak calon pasangan.	0	0	9	6
19	Perkahwinan kerana dijodohkan dilangsungkan bermaksud ingin membahagiakan orang tua	1	7	5	2
20	Berkahwin kerana dijodohkan tetapi diminta bersetujunya kepada calon pengantin	0	4	11	0

Jadual

NO	RESPONDEN	SOALAN DAN MARKAH																				
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21
1	Responden 1	2	2	1	3	2	1	2	4	3	3	3	1	1	1	4	3	2	2	1	3	2
2	Responden 2	2	4	1	3	3	1	2	3	3	2	3	1	3	1	3	3	2	2	2	2	3
3	Responden 3	2	3	1	4	2	1	2	4	3	3	4	1	1	1	3	3	2	2	1	3	2
4	Responden 4	2	3	1	4	2	1	4	4	3	2	3	1	1	1	3	3	2	2	1	3	2
5	Responden 5	1	3	1	3	3	1	4	4	4	4	4	1	1	2	3	3	3	4	2	3	2
6	Responden 6	2	3	1	4	1	1	3	4	3	3	4	1	1	1	3	3	2	3	2	3	2
7	Responden 7	2	2	3	4	2	4	1	4	4	4	4	1	1	1	4	4	4	1	1	3	2
8	Responden 8	2	4	2	4	4	3	2	4	4	2	4	1	1	1	4	3	4	2	2	4	3
9	Responden 9	2	3	1	3	3	1	2	3	3	3	4	1	1	1	3	3	2	2	2	3	2
10	Responden 10	2	4	1	2	1	1	2	4	4	2	4	1	1	1	4	4	1	2	2	2	3
11	Responden 11	1	4	2	2	2	1	2	2	3	2	3	1	2	2	3	3	2	2	2	2	3
12	Responden 12	1	4	2	3	3	1	2	1	2	2	4	1	1	1	2	1	2	2	1	2	2
13	Responden 13	1	3	2	1	2	1	2	2	1	1	2	2	2	2	2	2	1	2	2	1	2
14	Responden 14	2	4	2	2	3	2	2	3	4	2	4	1	1	2	3	3	1	1	1	2	2
15	Responden 15	3	3	2	3	2	2	3	4	4	3	4	1	1	1	3	3	3	3	2	1	2

No	Soalan	Jumlah Responden				Markah %			
		SB	B	KB	TB	SB	B	KB	TB
1	1	0	1	10	4	0	6,67	66,7	26,7
2	2	6	7	2	0	40	46,7	13,3	0
3	3	0	1	6	8	0	6,67	40	53,3
4	4	5	6	3	1	33,3	40	20	6,67
5	5	1	5	7	2	6,67	33,3	46,7	13,3
6	6	1	1	2	11	6,67	6,67	13,3	73,3
7	7	2	2	10	1	13,3	13,3	66,7	6,67
8	8	9	3	2	1	60	20	13,3	6,67
9	9	6	7	1	1	40	46,7	6,67	6,67
10	10	2	5	7	1	13,3	33,3	46,7	6,67
11	11	10	4	1	0	66,7	26,7	6,67	0
12	12	0	1	2	12	0	6,67	13,3	80
13	13	0	0	4	11	0	0	26,7	73,3
14	14	4	9	2	0	26,7	60	13,3	0
15	15	2	11	1	1	13,3	73,3	6,67	6,67
16	16	2	2	8	3	13,3	13,3	53,3	20
17	17	1	2	10	2	6,67	13,3	66,7	13,3
18	18	0	0	9	6	0	0	60	40
19	19	1	7	5	2	6,67	46,7	33,3	13,3
20	20	0	4	11	0	0	26,7	73,3	0

4.6 Kefahaman Masyarakat Suku Bugis di Pulau Kijang Tentang Amalan Perkahwinan Kerana Dijodohkan

Responden 1

“Perkahwinan adalah menyatukan atau mendekatkan keluarga yang sudah jauh dan merupakan ikatan timbal balik. Maka dari itu perlu dilakukan musyawarah terlebih dahulu kepada anak dan orang tua, kerana hal ini bukanlah sebuah pekerjaan yang dialami sesaat tetapi untuk selamanya”.

Responden 2

“Kerana ingin mempererat hubungan keluarga dan kerana tidak ingin menghilangkan keaslian nama keluarga”.

Responden 3

“Perkahwinan saling mengambil satu sama lain dan persekutuan dua keluarga besar yang memiliki hubungan sebelumnya dengan maksud mendekatkan atau mempererat keluarga yang sudah jauh”.

Responden 4 :

“Perjodohan adalah salahsatu cara untuk menyatukan antara keluarga, namun dalam hal ini hendaknya dimusyawarahkan terlebih dahulu kepada keluarga. Kerana bukanlah sebuah pekerjaan yang dialami hanya untuk sesaat tetapi untuk selamanya. Maka musyawarahkanlah terlebih dahulu kepada anak maupun orang tua”.

Responden 5 :

“Kerana tidak mahu hartanya berpindah ke orang lain dan menjaga keaslian keturunan”.

Responden 6 :

“Menjaga keaslian keturunan”.

Responden 7 :

“Perjodohan merupakan sebuah cara untuk mempermudah proses peminangan, namun dalam hal ini sebaiknya dimusyawarahkan terlebih dahulu kepada keluarga sehingga suatu kesepakatan untuk melanjutkan perjodohan diantara kedua belah pihak maka berlangsunglah perasmian pernikahan”.

Responden 8 :

“Kerana menjaga kualiti keturunan”.

Responden 9 :

“Kerana menjaga keaslian keturunan dan supaya harta tidak kemana-mana”

Responden 10 :

“Menurut pemahaman perkahwinan kerana dijodohkan dikalangan Bugis disebabkan adanya orang tua merasa ada terhutang budi kepada pihak calon pengantin/pasangannya dan kerana untuk membahagiakan orang tua ataupun untuk mempertahankan adat leluhur”.

Responden 11 :

“Kerana ingin memperdekat hubungan keluargaan dan menjaga keaslian keturunan”.

Responden 12 :

“Kerana menjaga keaslian keturunan, serta tiada daya dan upaya kerana kehendak kedua belah pihak (orang tua dan mertua)”.

Responden 13 :

“Kerana menjaga keaslian keturunannya dan menjaga harta benda agar tidak ketangan orang lain/kemana-mana”.

Responden 14 :

“Menjaga keaslian keturunan dan supaya harta tidak kemana-mana”.

Responden 15 :

“Mengahwinkan anak dengan cara menjodohkan sah-sah saja tapi harus diminta persetujuan anak terlebih dahulu kerana anaklah yang menjalani kehidupan berumah tangga agar tidak menyesal dikemudian hari dan orang tua tidak boleh memaksa apabila anak tidak mahu kerana akan membawa akibat yang buruk”.

Daripada 15 responden yang mengisi borang tentang kefahaman perkahwinan kerana dijodohkan dalam masyarakat suku Bugis di Pulau Kijang seramai 8 yang berpendapat bahawa perkahwinan dijodohkan untuk mempertahankan keaslian keturunannya dan harta tidak pergi kemana-mana. Tetapi ada juga yang berpendapat bahawa boleh sahaja mengahwinkan anak dengan cara menjodohkan tetapi harus memintapersetujuan anaknya supaya tidak ada penyesalan di kemudian hari sebagaimana yang dikatakan oleh responden 1, 7 dan 15.

Adapun responden 2 dan 3 berpendapat bahawa perkahwinan dengan menjodohkan bertujuan mempererat hubungan keluarga dan yang jauh boleh lebih dekat lagi. Ada pula berkahwin dengan menjodohkan adalah kerana berhutang budi

sehingga perkahwinan dilakukan dengan tidak mendapat persetujuan calon pengantin, hal ini disampaikan oleh responden 10.

4.7 Rumusan

Berdasarkan beberapa dapatan kajian dan analisis yang telah dilakukan dalam bab ini, maka pengkaji dapat melihat dan mengetahui bagaimana kefahaman masyarakat suku Bugis di Pulau Kijang dalam mengahwinkan anaknya dengan cara menjodohkan sama ada bersetuju atau tidak. Oleh itu kesimpulan kajian ini akan dijelaskan lebih jelas dan terperinci dalam bab kelima.